

**PERKEMBANGAN SOSIO-EKONOMI MASYARAKAT ADAT PERPATIH:
TUMPUAN KEPADA PERUBAHAN DALAM LUAK ULU MUAR, KUALA PILAH**

MOHD KAMAL BIN SALUDIN

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA MUDA
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
DENGAN KEPUJIAN**

**JABATAN SEJARAH
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI**


2001



PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri
kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap
satunya telah saya jelaskan sumbernya.

15 hb. Mac 2001 M
07 Zulhijjah 1420 H



(MOHD KAMAL BIN SALUDIN)
A 60585

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi
Maha Penyayang

Alhamdulillah segala puji hanya bagi Allah Tuhan Semesta Alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad (S.A.W.), keluarganya serta para sahabat yang dimuliakan baginda. Sepenuh kesyukuran penulis panjatkan kehadiran Allah (S.W.T.) kerana dengan rahmat dan taufik hidayahNya Latihan Ilmiah yang bertajuk, "Perkembangan Sosio-ekonomi Masyarakat Adat Perpatih: Tumpuan Kepada Perubahan Dalam Luak Ulu Muar, Kuala Pilah" telah dapat disiapkan dengan jayanya.

Menerusi ruangan yang terhad ini, pertama sekali penulis dengan rasa sukacitanya ingin melahirkan ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia latihan ilmiah ini iaitu, Puan Zubaidah V.P. Hamzah yang telah banyak membimbing penulis sepanjang usaha ini dijalankan. Tidak ketinggalan ucapan terima kasih dan penghargaan ditujukan kepada semua pensyarah dan tutor di Fakulti Sains Kemsyarakatan Dan Kemanusiaan terutamanya pensyarah-pensyarah Jabatan Sejarah dan Jabatan Persuratan Melayu.

Penghargaan yang paling istimewa dikalungkan buat ayah dan bonda yang tercinta iaitu Saludin Bin Mohd Amin dan Robiah Binti Othman yang telah banyak berkorban, semoga Allah Taala sentiasa melimpahkan rahmat dan kesejahteraan kepada mereka. Tidak dilupakan ucapan terima kasih buat adik-adik tercinta Mohd Noorizam, Mohd Nasir, Mohd Rosli, Salina, Mohamed dan Norshamsila. Pengorbanan kalian semua akan tetap abadi di sepanjang hayat penulis.

Penghargaan paling istimewa buat Hasni Mohamad dan anak-anak Hazirah, Hanisah, Mohd Hazim dan Mohd Helmi kerana tidak jemu memberi sokongan, dorongan dan sumber inspirasi kepada penulis.

Segala nasihat dan sokongan kalian semua adalah motivasi dan akan tetap abadi di dalam sanubari penulis sepanjang hayat. Wassalam.

Mohd Kamal Bin Saludin
53, Jalan Wira 6,
Taman Wira Jaya,
72000 Kuala Pilah,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

SINOPSIS

Kajian ini bertujuan melihat secara analisis bagaimana suatu masyarakat itu terbentuk, berkembang dan berubah akibat pengalaman sejarah yang mesti dilalui oleh tiap-tiap masyarakat. Dalam proses ini tidak bermakna sesuatu masyarakat akan berubah sepenuhnya, kerana setiap masyarakat ada ciri-ciri unggul yang tersendiri bagi mengidentifikasikan kewujudan sesuatu masyarakat. Dalam hal ini, pemilihan tradisi Masyarakat Adat Perpatih dikatakan satu-satunya masyarakat di Malaysia yang mengamalkan tradisi nasab ibu atau matrilineal sejak berabad-abad lamanya. Dalam evolusi yang memakan masa berabad ini, masyarakat Adat Perpatih sebagai sebuah tradisi sosial, telah mengalami perubahan yang boleh diteliti urutan sejarahnya berdasarkan tiga period iaitu period pemerintahan tradisional, period penjajahan Inggeris dan period selepas kemerdekaan. Masyarakat Adat Perpatih dikatakan mula terpinggir dengan pengenalan undang-undang moden yang nyata lebih dominan daripada undang-undang adat sendiri. Seperti birokrasi legal dan sistem perekonomian moden. Akir sekali kita dapat lihat perubahan isi kandungan amalan masyarakat Adat Perpatih yang disesuaikan dengan kehendak zaman yang serba maju.

KANDUNGAN

	Halaman
Pengakuan	i
Penghargaan	iii
Sinopsis	v
Kandungan	vi
Senarai Carta	ix
Senarai Peta	x
Senarai Lampiran	xi
Pendahuluan	xiii
Tujuan Kajian	xiv
Skop Kajian	xiv
Kaedah Kajian	xv
Latar Belakang Kajian	xvi
BAB 1 : LATARBELAKANG SEJARAH PEMBENTUKAN NEGERI SEMBILAN	
1.0 Pendahuluan	1
1.2 Kedudukan Luak Ulu Muar Dalam Pentadbiran Adat	7
1.3 Kedatangan Adat Perpatih	9
1.4 Struktur Pemerintahan Tradisional Kuala Pilah	13
1.5 Susunan Sosial Masyarakat Adat Perpatih Luak Ulu Muar	23
1.6 Kesimpulan	25
BAB 2 : MASYARAKAT ADAT PERPATIH LUAK ULU MUAR SEMASA PENJAJAHAN INGGERIS	

2.0	Pendahuluan	27
2.1	Campurtangan British Dalam Pentadbiran Luak Ulu Muar	29
2.2	Perubahan Peraturan Tanah Adat Luak Ulu Muar	34
2.3	Perubahan Sosio-politik	39
2.4	Perubahan Pola Penduduk Luak Ulu Muar	41
2.5	Perubahan Dalam Pendidikan	44
2.6	Penjajahan: dilihat Dari Sudut Kesan Ke Atas Perjalanan Sistem Beradat	47
2.7	Kesimpulan	54
BAB 3 :	PERKEMBANGAN SOSIO-EKONOMI AWAL KEMERDEKAAN	
3.0	Pendahuluan	57
3.1	Keadaan Sosial dan Pertelingkahan Adat	58
3.1.1	Krisis Kepimpinan Luak Ulu Muar	60
3.1.2	Faktor Penyebab Berlakunya Konflik Adat	63
3.2	Perubahan Ekonomi	65
3.3	Kesan Pertumbuhan kawasan Perindustrian	69
3.4	Perubahan Dalam Sektor Pertanian dan Penggunaan Tanah	71
3.5	Kesimpulan	75
BAB 4 :	MASYARAKAT ADAT PERPATIH DALAM ERA KEMAJUAN GLOBALISASI	
4.1	Pendahuluan	78
4.2	Ekonomi Adat Perpatih Dalam Era Modenisasi dan Perindustrian	79
4.3	Perubahan Sosial Masyarakat Adat Perpatih 1980-1990	89

Halaman

4.4	Amalan Adat Perpatih Kuala Pilah: Dari Sudut Pandangan Islam	92
4.5	Amalan yang Bertentangan Dengan Fahaman Islam	96
4.6	Kesimpulan	97
BAB 5	PENUTUP	98

Halaman

SENARAI CARTA

Carta 1	Struktur Pentadbiran Luak Ulu Muar	16
Carta 2	Struktur Pentadbiran Masyarakat Adat Perpatih Luak Ulu Muar	40
Carta 3	Pentadbiran Legal-Birokrasi Inggeris Di Kuala Pilah	41

SENARAI JADUAL

Halaman

Jadual	1	Raja-raja Yang Memerintah Negeri Sembilan Sejak Raja Melewar	3
Jadual	2	Bilangan Empat Lembaga Utama Luak Ulu Muar	22
Jadual	3	Struktur dan Kepimpinan Semasa Penjajahan Inggeris.	56
Jadual	4	Taburan Tanah Adat Mengikut Daerah	73
Jadual	5	Tanah Terbiar di Luak Ulu Muar.	85

SENARAI GAMBAR

- | | | |
|--------|---|--|
| Gambar | 1 | Kawasan Pertanian dan kebun yang terbiar |
| Gambar | 2 | Kawasan Pertanian Yang Terbiar. |
| Gambar | 3 | Kawasan Sawah Padi Yang Dibersihkan Untuk Tanaman Sayuran Dan Jagung |
| Gambar | 4 | Rumah Tradisi Minangkabau Yang Semakin Kurang |

SENARAI LAMPIRAN

- | | |
|------------|---|
| Lampiran 1 | Susunan Pentadbiran Suku Tanah Datar Luak Ulu Muar |
| Lampiran 2 | Cop Mohor Penghulu Luak Ulu Muar |
| Lampiran 3 | Senarai Penghulu dan Lembaga Luak Ulu Muar. |
| Lampiran 4 | Gambar Dato' Bendahara Setia Maharaja Setia Maharaja Lela
Pahlawan, Penghulu Luak Ulu Muar |
| Lampiran 5 | Gambar Ketua-ketua Suku Di Luak Ulu Muar. |
| Lampiran 6 | Bibliografi |
| Lampiran 7 | Glosari |

PENDAHULUAN

Luak Ulu Muar adalah kawasan adat yang terdapat di dalam Luak Tanah Mengandung. Luak Tanah Mengandung tersebut adalah sama tarafnya dengan Luak Berundang yang lain seperti Luak Sungai Ujong, Luak Jelebu, Luak Johol dan Rembau. Masyarakat Adat Perpatih di Luak Ulu Muar ini mengamalkan kehidupan yang berteraskan Adat Perpatih. Dalam melalui zaman dan masa masyarakatnya berubah dalam segala aspek kehidupan. Aspek utama yang ketara ialah sosial dan ekonominya.

Perubahan-perubahan yang berlaku itu adalah seiring dengan unsur-unsur modenisasi yang dijalankan oleh pemerintah. Bermula dengan perubahan yang dijalankan di bawah pemerintahan penjajah Inggeris hinggalah pemerintah hari ini, telah banyak amalan dan struktur yang ada dalam adat itu turut berubah. Perubahan yang berlaku menyebabkan hampir keseluruhan aspek sosial-ekonomi tidak diamalkan lagi sepenuhnya.

Dalam perkembangan ini Adat Perpatih tidak dapat di pertahankan dengan kemasukan nilai-nilai Barat melalui struktur pentadbiran dan media massa. Kemudian sikap dan nilai baru telah memberi impak yang banyak kepada amalan dan pegangan kehidupan masyarakat Adat Perpatih. Terutama sekali berkaitan dengan sistem idea masyarakat yang menitikberatkan konsep kekeluargaan

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan supaya masyarakat yang mengikuti perkembangan adat perpatih dapat meneliti kedudukan Adat Perpatih dalam masyarakat Melayu Luak Ulu Muar, Kuala Pilah. Kita perlu melihat adat ini secara keseluruhannya. Sebelum ini kajian yang dijalankan adalah menjurus kepada isi kandungan adat tersebut dari sudut sastera. Memandangkan itu penulis berminat untuk meneliti tentang Adat Perpatih itu di dalam kehidupan masyarakat lingkungannya.

Melihat pengaplikasian adat perpatih dari sudut sejarah. Jika di dalam kesusasteraan kita hanya menekankan apa yang terkandung di dalam adat tersebut. Di dalam kajian ini kita dapat meneliti amalan-amalan yang masih dijalankan atau adat yang sudah tidak diamalkan oleh masyarakatnya. Dalam keadaan ini penulis meneliti kelompok yang terlibat secara langsung dalam majlis-majlis adat yang diamalkan. Antaranya meneliti perkembangan pemikiran ketua-ketua adat dan anak-anak buahnya yang masih mempertahankan budaya tersebut.

SKOP KAJIAN:

Kajian ini secara umumnya melihat perkembangan sistem adat perpatih daripada tiga tahap period. Pertama zaman sebelum merdeka, iaitu pada zaman pemerintahan raja-raja dan pembesar Melayu. Kajian akan dimulakan dengan memasukan fakta pembentukan masyarakat adat Perpatih Negeri Sembilan dan daerah Kuala Pilah. Kemudian kajian akan melihat pula bagaimana pemerintahan Inggeris menyebabkan banyak perubahan-perubahan ketara dari segi pentadbiran sistem adat di Luak Ulu Muar

Kuala Pilah. Tahap ketiga ialah period merdeka dan selepasnya.

Dalam melihat period-period ini kajian akan mengkhusus kepada bidang politik, ekonomi dan sosial. Dalam mengkaji ketiga-tiga aspek ini kita akan menyusun dan melihat bagaimana masyarakat dan adat perpatih itu mengalami beberapa perubahan yang ketara.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini akan dijalankan dengan menemubual beberapa orang ketua-ketua adat yang masih lagi berkhidmat di Luak Tanah Mengandung, iaitu di Kuala Pilah. Antara ketua adat yang telah dikenalpasti ialah Dato' Paduka Besar Abu Hassan Bin Haji Sulaiman, Dato Orang Kaya Kecil Haji Yaakob bin Adil, Dato Maharaja Sulaiman Bin Kasan, Dato' Senara Muda Haji Pilus Maaris, Dato' Seri Maharaja Khalid Bin Bonget Dan Dato Orang Kaya Mansor Bin Shahamen.

Kaedah lain yang bakal diaplikasikan ialah kaedah perpustakaan. Iaitu dengan melihat dan mengambil sumber-sumber sekunder daripada buku, majalah, jurnal dan dokumen-dokumen kerajaan Negeri Sembilan.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Latar belakang kajian ini ialah masyarakat Melayu pengamal Adat Perpatih di Luak Ulu Muar, Daerah Kuala Pilah. Juga disebut sebagai Luak Tanah Mengandung. Di dalam daerah Kuala Pilah ini terdapat lima kawasan yang di namakan luak, iaitu Luak Ulu

Muar, Luak Jempol, Luak Terachi, Luak Gunung Pasir, dan Luak Inas. Kajian akan ditumpukan khusus kepada masyarakat yang berada di dalam lingkungan adat ini.

Luak Ulu Muar mengandungi dua belas suku yang terdiri daripada suku Tanah Datar, Mungkal, Seri Lemak Minangkabau, Seri Melenggang, Tiga Batu, Paya Kumbuh, Batu Belang, Anak Acheh, Batu Hampar, Seri Lemak Pahang, Tiga Nenek, dan Buanda Sungai Ujong.

BAB II

MASYARAKAT ADAT PERPATIH LUAK ULU MUAR SEMASA PENJAJAHAN INGGERIS

2.0 Pendahuluan

Zaman penjajahan Inggeris telah membawa kepada perubahan besar di dalam sistem beradat masyarakat Luak Ulu Muar, Kuala Pilah. Waktu tersebut Penghulu dan Lembaga mulai kehilangan kuasa juridikal ke atas hal-hal sivil, jenayah, dan penyerahan soal hasil negeri kepada Inggeris. Dalam kes di Luak Ulu Muar, Inggeris dengan bijak telah bersetuju membayar pemimpin-pemimpin politik adat dengan jumlah bayaran yang kecil. Dengan bayaran elau ini ketua-ketua adat hanya berkuasa mentadbir hal berkaitan dengan adat resam sahaja.¹

¹Norhalim Ibrahim, 'Adat Perpatih: Sejarah dan Sistem Sosial', dalam *Budaya Negeri* 11/12 1993, hal. 11.

Manifestasi daripada terasasnya sistem pentadbiran kolonialisme di Negeri Sembilan, perbagai perubahan ekonomi, politik dan sosial masyarakat Adat Perpatih telah berlaku di Luak Ulu Muar.² Dari segi sosio-politiknya kekuasaan pemimpin adat telah disempitkan kepada soal-soal agama dan adat. Jika dihalusi lagi ada juga beberapa hal dalam agama yang telah ditentukan terlebih dahulu oleh penjajah Inggeris. Hasilnya jadilah mereka ini sebagai ketua yang sentiasa mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh penjajah.³

Menurut sumber lisan oleh Dato Mohd Nor Kamar, tradisi Adat Perpatih di Luak Ulu Muar, Kuala Pilah, yang pada asalnya meliputi segala segi kehidupan harian, baik dari segi politik, ekonomi, undang-undang, sosial dan sebagainya. Umpamanya dalam bidang undang-undang tradisi adat perpatih melibatkan peraturan pelantikan ketua-ketua adat, peraturan perkahwinan dan perceraian, soal harta dan sebagainya. Kini telah dikendalikan oleh pihak penjajah. Ketua-ketua adat hanya bertindak di sekitar lingkungan undang-undang yang diperkenalkan oleh Inggeris⁴.

²Di Luak Ulu Muar dari segi politik dan ekonomi segala kuasa penting golongan elit tempatan telah diambil alih oleh penjajah Inggeris. Mereka semuanya makan gaji atau menerima elaun daripada penjajah Inggeris sebagai ganti pendapatan daripada cukai yang dikutip sebelum ini. Walaubagaimanapun mereka tidak disekat daripada melibatkan diri dalam sebarang kegiatan ekonomi. Cuma yang banyak berubah di sini ialah kuasa dan wibawa mereka yang diambil oleh Inggeris. Lihat Abdul Samad Idris, *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1968, hal. 75

³Apa yang tinggal pada mereka ialah sebagai pakar adat yang dalam banyak ketikanya pula terikat pada kemahuan penjajah terutama pelaksanaan tugas. Ini berhubung langsung dengan tindakan British mengkanunkan adat atas nama 'customary laws'. Lihat dalam Norhalim Ibrahim, *Negeri Sembilan: Daerah Kecil Pesaka Adat Warisan Kerajaan Berdaulat*, Fajar Bakti Sdn. Bhd, Shah Alam, 1995, hal 65.

⁴Temuramah dengan Dato' Mohd Nor Bin Kamar K.S.D., di kediamannya di Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada 20 Ogos, 2000.

Dalam masa yang sama pegawai tadbir British, yang bertugas di Negeri Sembilan termasuk di Luak Ulu Muar, dilibatkan dalam proses menulis sejarah, falsafah dan amalan adat berasaskan penyelidikan dan pengalaman bekerja mereka di setiap daerah di Negeri Sembilan. Bahan penyelidikan ini kemudian menjadi rujukan asas oleh kebanyakan ketua adat dalam menyelesaikan sebarang konflik adat. Menurut sumber lisan oleh Dato' Johan Razali, kebanyakan ketua adat sering merujuk kepada tulisan pengkaji budaya Barat seperti Parr, Mackray dan J.M. Gullick⁵. Beliau dengan jelas menyatakan tulisan-tulisan sarjana Barat seperti J.M. Gullick umpamanya cukup penting sebagai rujukan. Lebih-lebih lagi waktu itu kata-kata perbilangan adat perpatih hanya dirujuk secara lisan sahaja.

Pada asasnya dalam era kedua ini iaitu zaman kolonial, golongan pemimpin adat di Luak Ulu Muar masih mengekalkan kedudukannya tetapi telah disesuaikan dengan keperluan kolonial. Pada teorinya peranan mereka sebagai ketua adat tetap dipertahankan oleh undang-undang yang diperkenalkan oleh penjajah, namun dari segi praktiknya campurtangan British tidak dapat dielakkan. Perjalanan sistem Adat Perpatih di Luak Ulu Muar ini telah mula berubah secara evolusi oleh faktor penjajahan.

2.1 Campurtangan British Dalam Pentadbiran Luak Ulu Muar.

Pengaruh British meluas di Negeri Sembilan secara berperingkat-peringkat. Perluasannya yang sedemikian adalah kerana minat British tertumpu pada kawasan-kawasan yang kaya dengan hasil galian bijih timah. Penjajahan bermula di Sungai Ujong dengan seorang

⁵Temubual dengan Dato' Johan Razali, di Kediannya di Kampung Pelegong, Labu, Negeri Sembilan, pada 21 Julai 2000. Dato' Johan Razali juga menyatakan beliau sendiri akan merujuk kepada buku Gullick bila menyelesaikan sesuatu isu yang timbul.

Residen Inggeris telah ditugaskan dalam tahun 1874. Sungai Ujong menjadi tarikan kerana mempunyai hasil bijih timah. Pengaruh Inggeris kemudian meluas ke Jelevu, dari Jelevu Inggeris mengarahkan pandangan ke daerah-daerah yang dikenali sebagai daerah Kuala Pilah. Kedatangan penjajah Inggeris ke daerah Kuala Pilah adalah berpunca daripada perang Bukit Putus. Penentangan terhadap Inggeris diketuai oleh Dato' Siamang Gagap Kahar yang cuba menghalang kemaraan Inggeris pada tahun 1874⁶. Apabila pembesar Melayu kalah mereka terpaksa menandatangani perjanjian yang meletakkan Kuala Pilah di bawah pentadbiran British pada tahun 1887.⁷

Dalam masa yang sama British telah meluaskan kuasanya ke atas Rembau. Akhirnya pada tahun 1889 Rembau dan Kuala Pilah telah di letakkan di bawah naungan Kerajaan British dengan diperintah oleh seorang pegawai tadbir yang digelar Residen Negeri Sembilan. Pada 8 Ogos 1895 kesemua daerah dalam Negeri Sembilan telah disatukan di bawah satu persekutuan iaitu Negeri Sembilan⁸. Pentadbiran bagi keseluruhan Negeri Sembilan termasuk Luak Ulu Muar diletakkan di bawah seorang Residen yang bertanggungjawab ke atas semua urusan kecuali bagi urusan-urusan yang berkaitan dengan agama dan istiadat orang Melayu. Apabila perjanjian penyerahan kuasa pentadbiran telah dibuat, pihak British telah mewujudkan suatu sistem Birokrasi. Di

⁶Perang Bukit Putus ialah perang antara Undang Luak Sungai Ujong yang dibantu oleh tentera British dengan Yamtuan Antah. Yamtuan Antah telah kalah dalam perang tersebut. Atas nasihat Gavenor Negeri-negeri Selat, Yamtuan Antah telah disyaratkan menerima seorang pegawai Inggeris sebagai pentadbir, dan pengiktirafan kedaulatan baginda hanya bagi Luak Tanah Mengandung dan Luak Johol sahaja, iaitu di kawasan Daerah Kuala Pilah sahaja. Lihat misalnya, Wong Lin Ken., *The Malay Tin Industry to 1914*. University of Arizona Pness, 1965, hal. 57. Juga lihat Vip Vat Hoong, *The Development of the Tin Mining In Malaya*. University fo Malaya Press, Kuala Lumpur 1969, hal. 211

⁷W.G. Maxwell dan Gibson, *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo*, Fruscott and Son Ltd., London, 1924, hal. 64

⁸Ibid, hal. 66.

bawah sistem baharu ini keenam-enam luak⁹ dalam daerah Kuala Pilah (termasuk Luak Ulu Muar) telah diletakkan di bawah satu pentadbiran yang berpusat di Kuala Pilah. Pentadbiran daerah ini adalah tertakluk kepada pentadbiran negeri yang berpusat di Seremban. Ini menunjukkan Penjajah Inggeris memperkenalkan sistem yang hampir sama di negeri-negeri lain di Tanah Melayu.¹⁰

Ketua pentadbir di peringkat daerah digelar Pegawai Daerah. Pentadbir ini bertanggungjawab ke atas semua urusan pentadbiran daerah tersebut. Beliau bertanggungjawab ke atas semua urusan pentadbiran yang berhubung dengan tanah, misalnya menguruskan pendaftaran, memungut hasil tanah, menguruskan pemindahan hak milik, mengadakan kes-kes tuntutan ke atas hak milik tanah dan sebagainya. Suatu badan perundangan "Majlis Negeri" telah ditubuhkan.¹¹ Dengan demikian orang Melayu Kuala Pilah tidak merasai bahawa mereka diperintah oleh keturunan yang berlainan agama, bangsa dan adat resam. Kebijaksanaan sistem dan dasar Inggeris ini berjaya mengaburi mata masyarakat adat perpatih Ulu Muar. Masyarakat adat ini masih lagi beranggapan mereka dikuasai oleh golongan ketua-ketua adat.

⁹Luak tersebut ialah Ulu Muar, Jempol, Gunung Pasir, Seri Menanti, Terachi, dan Inas.

¹⁰Lihat E. Thio, "The British Forward Movement In The Malay Peninsular 1880-1889", *Papers on Malayan History*, Tregonings, Singapore, 1962, hal 120.

¹¹Majlis Negeri ini dianggotai oleh Residen, Yamtuan, dan Undang yang Empat, di samping ahli-ahli lain yang dilantik. Pada teorinya badan ini merupakan badan tertinggi yang rasmi untuk membuat dasar dan meluluskan undang-undang. Walaubagaimanapun kuasa eksekutif dan politik sebenarnya adalah dalam tangan Residen. Pada praktiknya pula semua dasar-dasar telah dibuat oleh pihak Inggeris, dikuatkuasakan atas nama Yamtuan dan perlaksanaannya terhadap orang-orang Melayu dijalankan oleh penghulu dan ketua kampung yang berkhidmat di bawah arahan pegawai Inggeris.

Jika diteliti pada sistem pentadbiran yang diperkenalkan, ketua-ketua adat tidak lagi berperanan dalam pentadbiran ke atas anak-anak buahnya secara mutlak kecuali dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan adat, lantaran mereka ini tidak layak untuk menjawat jawatan pegawai tadbir dalam sistem birokrasi. Bagi memelihara hati ketua-ketua adat mereka telah diberi elaun bulanan.¹² Mengikut perjanjian, pihak Inggeris berhak menasihati dalam semua perkara kecuali dalam hal-hal adat dan agama orang Melayu. Namun pada praktiknya masyarakat adat perpatih Ulu Muar, Kuala Pilah waktu itu telah mula terpaksa mengikut tunjuk ajar Inggeris. Inggeris turut campurtangan dalam pentadbiran adat seperti urusan tanah pusaka. Buktinya, Inggeris telah memperkenalkan suatu sistem penyesuaian undang-undang tanah dari masa ke masa demi mewujudkan suatu undang-undang tanah yang lengkap dan sistematik.

Antara pertimbangan-pertimbangan dalam menggubal undang-undang itu perhatian adalah diberi pada kepentingan perkembangan ekonomi Inggeris, tanggungjawab untuk melindungi orang Melayu dari penindasan kaum mendatang dan perkara-perkara yang berkaitan dengan agama dan adat istiadat orang Melayu. Untuk memenuhi kehendak-kehendak ini maka perubahan ke atas undang-undang itu terpaksa dilakukan dari masa ke masa. Pegawai-pegawai British di peringkat tertinggi sentiasa memberi ingatan pada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab mengkaji dan

¹²Elaun mereka berbeza-beza mengikut hasil pungutan yang didapati dari sesuatu Luak dan mengikut kedudukan stratifikasi sosial seseorang ketua adat itu. Elaun Undang Rembau adalah lebih tinggi daripada elaun Undang Johol kerana penduduk Luak Rembau lebih ramai dan jumlah pungutan hasil yang diperolehi daripada Rembau adalah lebih banyak. Dalam Luak Tanah Mengandung elaun Datuk Abdika (suku Seri Semelenggang) adalah lebih tinggi(\$12.00) daripada Lembaga suku-suku lain kerana kedudukannya dalam stratifikasi sosial luak tersebut adalah lebih tinggi. Dasatr-dasar yang demikian menyebabkan pemerintah Inggeris menetapkan elaun yang berbeza bagi ketua-ketua adat. Lihat dalam Norazit Selat, *Tanah Terbiar Di Zaman Pembangunan, Negeri Sembilan Dahulu Dan Sekarang*, Muzium Negara, Kuala Lumpur, 1990, hal 144.

menggubal undang-undang.¹³

Adalah menjadi dasar British mengekalkan sistem pewarisan dan pembahagian tanah sesuatu masyarakat itu dalam pentadbiran yang mereka perkenalkan. Pengekalan ini adalah berdasarkan pada Prinsip Undang-undang Am yang menyatakan harta seseorang itu hendaklah ditentukan pembahagian dan pewarisannya mengikut adat dan agama yang dianuti oleh individu itu¹⁴. Walaubagaimanapun prinsip ini hanya dikekalkan untuk tanah adat sahaja. Sementara tanah-tanah lain terutama yang tinggi nilai komersialnya mesti mengikut undang-undang tanah yang diwartakan oleh kerajaan penjajah di Pejabat Tanah, Daerah Kuala Pilah.

Undang-undang dan bentuk pentadbiran bagi Daerah Kuala Pilah adalah diambil daripada undang-undang dan bentuk pentadbiran yang telah dipraktikkan di Negeri-negeri Selat, Selangor dan Perak¹⁵. Ini adalah kerana penjajahan British ke atas negeri-negeri tersebut adalah lebih awal. Umpamanya sistem pemilikan tanah yang banyak berdasarkan kepada Sistem Torrens yang diperkenalkan di Negeri-negeri Selat oleh Maxwell. Begitu juga dengan undang-undang yang berhubung dengan tanah-tanah adat. Perkara ini kebanyakannya dipadankan daripada undang-undang *customary Land*

¹³Resident General, iaitu Frank Swettenham pernah mengeluarkan surat memberi ingatan pada pegawai-pegawai tadbir yang menyelaraskan undang-undang tanah supaya tidak mencampuri soal-soal pentadbiran tanah adat tempatan. Lihat dalam Resident General Circular No. 5 of 1897, Negeri Sembilan, *Government Gazette*, 1897, H 32.

¹⁴Ini mengikut seperti yang dipraktikkan di England. Misalnya seseorang warganegara luar mati dan meninggalkan harta di England, harta tersebut dibahagikan dan diwariskan mengikut negara warganegara tersebut. Lihat dalam M. Sheppard, *A Short History of Negeri Sembilan*, Eastern Universities Press, Singapore, 1965, hal 76.

¹⁵E.N. Taylor, "Aspects of Customary Inheritance in Negeri Sembilan", *JMBRAS* 21 (1948), pt. 2, hal 3-7.

seperti di Negeri-negeri Selat dan Selangor¹⁶. Oleh itu dalam melihat perkembangan pentadbiran Inggeris di Luak Ulu Muar Kuala Pilah, kita perlu juga mengkaji perkembangan yang dijalankan oleh Inggeris di Negeri Selat, Selangor dan Perak.

2.2 Perubahan Peraturan Tanah Adat Luak Ulu Muar, Kuala Pilah

Undang-undang tanah yang pertama digunakan untuk pentadbiran tanah di Luak Ulu Muar, Kuala Pilah ialah Peraturan-peraturan Tanah yang terkandung dalam Perintah 9 April, 1887. Peraturan-peraturan ini adalah merupakan peraturan sementara, ianya dikeluarkan oleh Pegawai Pentadbir Sungai Ujong. Di bawah peraturan ini tanah telah diletakkan ke dalam 4 kategori¹⁷. Masyarakat adat perpatih Ulu Muar tidak terkecuali daripada pelaksanaan peraturan ini.

Berdasarkan pada peraturan tanah yang dikuatkuasakan di Luak Ulu Muar, Kuala Pilah, adat adalah tertakluk di bawah peraturan-peraturan tanah kelas dua iaitu 'Tanah yang dimiliki oleh bumiputera'¹⁸. Di bawah peraturan ini juga tanah adat Perpatih mestilah didaftarkan di Pejabat Tanah Daerah, diukur dan ditetapkan cukainya. Tanah yang demikian akan ditarafkan sebagai milik sewa yang berkekalan dan hak milik tersebut

¹⁶Sistem Torrens adalah suatu sistem pendaftaran hak milik yang diperkenalkan oleh Robert Richard Torrens. Idea ini adalah dorongan dari pendaftaran saham-saham perkapalan. Richard Torrens pernah menjadi Collector of Customs di Australia Selatan pada tahun 1851, sebagai Colonial Treasurer dalam tahun 1856 dan pada 1857 menjadi ahli dewan Perhimpunan. Pada tahun berikutnya ia telah membentangkan suatu usul tentang sistem pendaftaran pemindahan hak milik tanah. Usul ini diterima dan dikenali sebagai Sistem Torrens.

¹⁷Empat kategori itu, ialah tanah untuk kegunaan pertanian; tanah yang diduduki oleh bumiputera; tanah peruntukan tapak bangunan di kawasan bandar, kampung atau simpanan kerajaan dan tanah simpanan lombong. Lihat arahan dan tindakan Collector and Magistrate of Sri Menanti, Malay Grants Book, No. 1, 1887, hal 87. (Simpanan Pejabat Tanah Kuala Pilah)

¹⁸*Ibid*, Hal. 99.

dijamin oleh kerajaan. Segala perbelanjaan mengukur dan bayaran pendaftaran sebanyak \$1.00 adalah tanggungjawab tuan tanah. Di samping itu tuan tanah di kawasan Ulu Muar dikehendaki membayar cukai tanah di kawasan Luak Ulu Muar pada tiap-tiap awal tahun.

Pendek kata mengikut Peraturan Tanah 1887 ini tanah adalah milik kerajaan, seseorang yang memiliki tanah adat ini pada dasarnya adalah penyewa tanah kerajaan. Peraturan ini diambil dari peraturan yang pernah diperkenalkan di Perak. Konsep peraturan yang diperkenalkan ini bertentangan dengan konsep hak milik adat perpatih masyarakat di Luak Ulu Muar. Jika masa pentadbiran tradisional dahulu tanah adalah kepunyaan suku waris, kini tanah adalah kepunyaan kerajaan. Dahulu tiada dikenakan sebarang cukai, di bawah pentadbiran Inggeris dikenakan cukai, dibuat dokumen hakmilik dan segala urusan mestilah di bawa kepada Pemungut Hasil Tanah.

Peraturan ini telah menghapuskan peranan ketua-ketua adat dalam pentadbiran masyarakat mereka. Yang bertanggungjawab terhadap tanah itu ialah tuan tanahnya. Sekiranya dalam tempoh tertentu didapati cukai masih tidak dibayar Pemungut Hasil Tanah akan bertindak mengeluarkan notis dan mengenakan denda bagi bayaran lewat.¹⁹

¹⁹Sekiranya dalam tempoh yang ditentukan itu tuan tanah tidak juga berupaya untuk menjelaskan bayaran cukai, Pemungut Hasil Tanah berkuasa merampas dan melelong tanah tersebut. Hal yang demikian menyebabkan seseorang pemilik tanah adat itu merasai bahawa ia mempunyai hak penuh ke atas tanahnya. Akibat daripada perkembangan ini didapati bahawa terdapat sedikit perbezaan dalam konsep hak milik individu. Di bawah sistem pentadbiran tradisional tanah adalah milik suku, di bawah peraturan tanah 1887 ini walaupun tanah pada dasarnya milik suku tetapi hak milik seseorang itu lebih terjamin di mana nama tuan tanah telah didaftarkan dan diakui sebagai pemilik yang sah ke atas tanahnya. Lihat dalam arahan dan tindakan Collector and Magistrate of Sri Menanti, *Malay Grants Book*, No. 1, 1887. (Simpanan Pejabat Tanah Kuala Pilah)

Dalam soal tanah ini sangat jelas apabila Inggeris menduduki Negeri Sembilan mereka mempunyai konsep yang berlainan mengenai tanah waris. Mereka menganggap semua tanah yang tidak diusahakan adalah terbuka untuk dijual beli atau disewa bagi menjalankan perusahaan perlombongan bijih timah atau pertanian²⁰. Dengan fahaman ini, Inggeris mula mendirikan suatu sistem pertanian ladang secara besar-besaran di atas 'tanah waris'. Firma-firma British turut serta dan akibatnya perusahaan perlombongan timah dan perladangan menjadi semakin meluas. Keperluan untuk mendapatkan buruh bagi pelbagai perusahaan-perusahaan kapitalis ini telah menggalakkan imigrasi pekerja-pekerja asing dan menggajikan mereka sebagai pekerja-pekerja upahan atau orang gaji berkontrak. Keadaan ini menjadikan pola penduduk pelbagai kaum²¹ di Luak Ulu Muar. Masyarakat Adat Perpatih Ulu Muar, Kuala Pilah mulai menerima bangsa asing di dalam komuniti mereka. Masyarakat Melayu ini sudah mula diintegrasikan secara halus.

Peladang-peladang kebanyakannya orang Inggeris dan beberapa orang Cina, telah meluaskan estet-etet dan kadangkala memohon membeli jaluran tanah kampung, malahan tanah sawah untuk tujuan perluasan ekonomi mereka. Keadaan ini telah menimbulkan masalah kepada penduduk Melayu Luak Ulu Muar, Kuala Pilah. Keadaan ini meransang penduduk Melayu untuk menjualkan tanah mereka kepada bangsa asing. Perbuatan demikian, jikalau berleluasa akan mengakibatkan penduduk Melayu kehilangan sumber penghidupan²². Di samping itu, orang Inggeris secara amnya menentang keseluruhan hak milik tanah secara adat di Luak Ulu Muar, Kuala Pilah yang memberikan

²⁰Vip Vat Hoong, *The Development of the Tin Mining In Malaya*. University fo Malaya Press, Kuala Lumpur 1969, hal. 211

²¹M. Peletz, *A Share of the Harvest: Kinship, Property and Social History Among the Malays of Negeri Sembilan*, The University of Machigan, Machigan, 1983, hal. 232-33

²²M.B. Hooker, *Adat Law in Modern Malaya*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1970, hal. 168.

hak kepada wanita. Mereka dengan terang menganggap sesuatu sistem yang mengenepikan orang lelaki sebagai sesuatu yang bertentangan dengan sistem mereka.

Dengan itu, pada tahun 1909 kerajaan British telah campur tangan secara langsung dalam amalan pewarisan hak milik tanah Luak Ulu Muar dan meluluskan *Customary Tenure Enactment*. Inti pati enakmen ini adalah kesemua hak milik orang Melayu ke atas tanah sawah dan kawasan tempat tinggal harus didaftarkan di bawah nama pemilik individu. Pengimplimentasian enakmen ini adalah merupakan suatu perubahan yang radikal. Situasi ini membolehkan kerajaan mengambil tanah-tanah tertentu, terutama untuk kegunaan mereka. Orang Inggeris juga menggalakkan lelaki Melayu membeli dan memiliki tanah sendiri, bagi membolehkan mereka menanam tanaman kontan. Sehubungan dengan polisi ini, telah menimbulkan kesan yang tidak pernah terjadi sebelum ini, iaitu lelaki mempunyai hak tanah sendiri, bebas daripada pengaruh isteri dan saudara-mara(suku waris). Akhirnya sekali enakmen ini telah menghapuskan ketua-ketua adat ke atas tanah pesaka²³ di Luak dan suku masing-masing.

Keadaan ini berkaitan dengan dasar Inggeris yang memberi peluang orang lelaki membeli tanah melalui konsep penebangan dan pembersihan hutan dara. Ini bermakna tanah tersebut bukan di bawah tadbiran dan kategori tanah adat. Tanah ini adalah hak individu yang boleh dimaju dan dijual mengikut kehendak pemiliknya. Mengikut

²³Tanah pusaka adalah hak perempuan"waris pusaka"Harta tersebut diwarisi turun temurun, daripada ibu, kepada anak perempuan, kepada anak perempuan kepada anak perempuan, dan begitulah seterusnya kepada keturunan perempuan. Lihat lebih lanjut dalam Nordin Selat, *Sistem Sosial Adat Perpatih*, Utusan Publication, Kuala Lumpur, 1982, hal. 113.

Customary Tenure Enactment ini tanah adat turut berada dibawah tadbiran Pejabat Tanah Daerah Kuala Pilah. Ketua adat seperti Dato' Lembaga hanya berhak mengesahkan sebarang pembahagian tanah tersebut kepada waris yang berhak sahaja.

Akta tanah adat ini telah melalui beberapa kali proses perkembangan dan perubahan. Akta 1909 telah diganti dalam tahun 1926, kemudian dipinda lagi pada tahun 1930. Enakmen-enakmen dan pindaan-pindaan inilah yang menjadi sebahagian besar dari isi akta yang hari ini dikenali sebagai Chapter 215. Pengubahan, perubahan serta pindaan-pindaan yang bukannya kumpulan kelompok kekeluargaan untuk menguasai tanah yang masih belum dikategorikan atau didaftarkan sebagai tanah adat.

Perkembangan ini selanjutnya telah memberi kesan yang kuat ke atas ketuanan tanah adat di kalangan penduduk Melayu di Luak Ulu Muar. Kuasa ekonomi dan politik suku dan kuasa wanita telah menjadi semakin lemah dengan kehilangan sebahagian besar daripada harta produktif (tanah tak bertebus) mereka. Di samping itu, injap keselamatan dalam bentuk pembukaan kawasan hutan dara (apabila penduduk suku bertambah atau untuk keperluan-keperluan tertentu keluarga-keluarga dalam suku berubah) telah dihapuskan. Pengecilan tanah yang diwariskan kepada generasi seterusnya telah menimbulkan tekanan yang agak besar dan membawa kepada bertambahnya keadaan tidak seimbang dalam pemilikan tanah²⁴.

²⁴Lihat dalam Ismail Ambia, *Pentadbiran Adat Perpatih Negeri Sembilan*, Universiti Malaya, Singapore, 1959, hal. 48.

Perkembangan ini menyebabkan ramai ahli masyarakat Adat Perpatih Luak Ulu Muar (anak buah) berhijrah keluar daripada tanah adat. Kaum lelaki waktu itu telah mula bekerja di bandar. Ramai antara mereka telah mula dapat mengesan beberapa masalah hidup di tanah pusaka adat perpatih. Jalan keluar kepada masalah tersebut ialah berhijrah keluar mencari pekerjaan. Pada awalnya mereka tidak mengira jenis pekerjaan, jika tidak dapat bekerja sebagai kakitangan kerajaan, mereka akan bekerja sebagai buruh yang berpendapatan tetap bagi menyara keperluan keluarga.


2.3 Perubahan Sosio-politik

Inggeris telah menghakis dan menolak fungsi sistem politik yang berbentuk perwakilan berdasarkan kekeluargaan yang mencirikan kehidupan masyarakat Adat Perpatih Luak Ulu Muar, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Kuasa-kuasa dan kewibawaan Penghulu, Datuk-datuk Lembaga dan ketua-ketua adat yang lain telah dibayangi dan diganti dengan jentera pentadbiran baru iaitu Residen dan Pegawai Daerah. Pegawai Daerah mentadbirkan daerahnya dengan dibantu oleh penghulu mukim yang disokong oleh Ketua Kampung.

Kuasa penghulu mukim yang dilantik oleh penjajah Inggeris bertambah dengan meningkatnya tanggungjawab pentadbiran kolonial. Pejabat penghulu mukim yang terletak di bahagian bawah dalam hirarki pentadbiran penjajah telah menjadi penting dalam pentadbiran kampung. Penghulu mukim inilah orang perantaraan antara kuasa-kuasa kerajaan sekular, keagamaan dan ketua-ketua adat di Luak Ulu Muar, Kuala Pilah.

Dalam kes ini apa yang hendak kita utarakan ialah tidak seorangpun pegawai adat (Lembaga, Buapak atau Ketua Perut) yang dilantik atau diserapkan ke dalam jentera pentadbiran Inggeris²⁵. Manakala pentadbiran di peringkat kampung pula dilantik ketua kampung yang baru. Ketua-ketua adat hanya dibenarkan berkuasa dalam hal ehwal adat sahaja. Malahan dalam soal adatpun Inggeris masih menekankan kekuasaannya. Justeru itu, menjelang tahun 1889 telah wujud suatu keadaan dualistik dalam sistem politik Negeri Sembilan yang juga melibatkan Luak Ulu Muar. Sistem dualistik ini dicirikan oleh; sistem politik kesukuan (politik adat) dan sistem politik yang tertakluk kepada hegemoni peralatan birokratik yang berkuasa tinggi dan yang semakin dipusatkan dengan tujuan memelihara peraturan dan undang-undang, pengutipan hasil, dan pembangunan cara hidup kapitalistik secara umum.


Carta 2 : Struktur Pentadbiran Masyarakat Adat Perpatih Luak Ulu Muar



²⁵Pegawai Melayu yang diambil hanyalah yang berpendidikan Inggeris. Itupun sebagai pegawai rendah sahaja. Lihat dalam Khasnor Johan, “Perkhidmatan Tadbir Melayu: Tradisi dan Perubahan Dalam Konteks Kajian Penjajah” *Dalam Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, Hal. 134.

Berdasarkan carta di atas kuasa sebenar ketua-ketua adat tersebut hanyalah dalam hal-ehwal adat sahaja. Perkara-perkara yang lain daripada adat adalah dibawah kekuasaan pentadbiran Inggeris yang dijalankan oleh pegawai-pegawai yang dilantik. Keadaan sebenar kuasa mereka adalah seperti carta berikut.

Carta 3: Pentadbiran Legal-Birokrasi Inggeris Kuala Pilah



2.4 Perubahan Pola Penduduk Luak Ulu Muar

Kemasukan Inggeris juga telah merubah pola demografi Negeri Sembilan. Di Luak Ulu Muar, Kuala Pilah misalnya, sebelum 1889, bilangan penduduk bangsa asing, terutama sekali bangsa Cina, yang tinggal di situ sangat sedikit. Cuma yang ada sebagai pencari damar dan rotan²⁶. Ada beberapa orang Cina yang cuba memperkenalkan perusahaan penanaman ubi kayu secara besar-besaran di akhir tahun 1870-an dan awal 1880-an²⁷, namun mereka telah dipaksa keluar oleh orang-orang Melayu setempat²⁸. Selepas kedatangan Inggeris, orang Cina masuk dengan lebih bebas, ramai antara mereka

²⁶ Khoo Kay Kim, *The Western States 1850-1873*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972, hal. 152.

²⁷E. Sadka, *The Protected Malay States 1874-1896*, University of Malays Press, Kuala Lumpur, 1968, hal.345

²⁸Pengkaji budaya Negeri Sembilan, Norhalim Haji Ibrahim berpendapat proses ini adalah suatu pendidikan indigenous walaupun ia kekal dengan ciri-ciri informal dan lisan.Lihat dalam Norhalim Haji Ibrahim, *Social Change and Continuty in the Matrilineal Society of Negeri Sembilan*, University of Hull, Hull, 1982, hal. 154.

telah membina petempatan baru mereka termasuk di sekitar Luak Ulu Muar, Kuala Pilah. Kebanyakan daripada mereka adalah pekerja-pekerja yang diimport oleh Inggeris, mula-mula sebagai buruh, kemudian sebagai peniaga.

Di samping orang Cina, orang India juga telah sampai ke Luak Ulu Muar, Kuala Pilah. Tidak seperti orang Cina, mereka diperkenalkan oleh Inggeris bekerja sebagai buruh dengan membuka ladang-ladang besar di sekitar tahun 1910-an. Orang India ini tidak setanding dengan orang Melayu kerana mereka datang khusus untuk bekerja di estet-estet kepunyaan pengusaha Inggeris dan akhirnya mereka terasing dari penduduk setempat. Kebanyakan orang India ini hanya tinggal di kawasan ladang dan sekitarnya sahaja.

Perubahan demografi ini adalah secara langsung disebabkan oleh polisi Inggeris yang sangat bergantung kepada import dan tidak memisahkan masyarakat Melayu di Luak Ulu Muar, Kuala Pilah ini daripada cara pengeluaran tradisional mereka secara keseluruhan. Di kawasan ini Inggeris seperti juga di negeri-negeri Melayu yang lain tetap tidak memansuhkan secara total sistem-sistem ekonomi asli dan sosial rakyat tempatan tetapi terus berfungsi (antara hidup dengan mati) di sepanjang period dominasi pentadbiran kolonial Inggeris.

Manifestasi yang nyata dari perubahan demografi ini, masyarakat Adat Perpatih telah dipilih dan digalakkan oleh pentadbir Inggeris meneruskan pekerjaan menanam padi. Oleh kerana beras perlu sebagai makanan kepada semua kaum termasuk kaum pendatang pada ketika itu, masyarakat Adat Perpatih Ulu Muar tidak digalakkan menoreh getah atau menanamnya sejak 1910. Padahal pada waktu itu lebih murah dan senang

menanam getah daripada menanam padi.²⁹ Malah bagi menentukan keadaan ini berpanjangan Inggeris memperkenalkan undang-undang untuk menghalang masyarakat Melayu Adat Perpatih menjual tanah sawah mereka atau menghalang menggunakan tanah mereka untuk menanam getah³⁰. Implikasi besarnya kepada masyarakat Adat Perpatih Ulu Muar waktu itu ialah ketinggalan dari arus kemajuan sosio-ekonomi yang kebanyakannya didominasi oleh golongan pendatang.

Perubahan pola penduduk dikatakan mengganggu perjalanan sistem Adat Perpatih kerana Inggeris melalui Pejabat Tanah Daerah Kuala Pilah telah menguatkuasakan Land Code 1926. Undang-undang ini bertujuan membolehkan kerajaan mengambil mana-mana tanah adat yang berpotensi untuk pembangunan ekonomi seperti membuka mini estet getah. Pemilik hanya diberi pampapasan atau digantikan dengan tanah di tempat lain. Keadaan ini berlaku di Kampung Dioh Kecil, Kuala Pilah, di mana 100 ekar tanah telah dijadikan mini estet getah milik peladang Cina manakala pekerjanya terdiri daripada buruh India. Ini menunjukkan kedatangan penduduk India dan Cina telah menjadikan tanah adat yang tinggi nilai ekonominya tidak lagi selamat dibawah lindungan Adat Perpatih.

²⁹P.T. Bauer, *The Rubber Industry*, Cambridge Harvard University Press, 1948, hal. 62-65.

³⁰Ding Eing Tan Soo Hai, *The Rice Industry in Malaysia, Singapore*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1964, hal. 275.

2.5 Perubahan Dalam Pendidikan

Di samping mewujudkan suatu sistem pentadbiran birokratik yang kompleks, Inggeris juga memperkenalkan sekolah-sekolah sekular di Negeri Sembilan. Ekoran dari ini dan atas sebab-sebab tertentu proses sosialisasi menjadi lebih kompleks. Berkaitan dengan perkara tersebut, apa yang harus diingati ialah Adat Perpatih itu bukan sahaja merupakan suatu set amalan sosial, budaya dan ekonomi tetapi juga adalah suatu tradisi intelektual. Justeru itu, meskipun adat itu tidak ditulis dan tidak dikodifikasi sehingga kedatangan tamadun Islam, penurunan mengenai perkembangan dan penyerapan gagasan pengetahuan yang terkandung di dalamnya adalah penting³¹. Dengan itu apabila Inggeris memperkenalkan sistem pendidikan sekular, pendidikan bukan hanya lagi suatu pemindahan parental mengenai kemahiran tradisional dan nilai-nilai adat, tetapi pendidikan itu sendiri telah dijadikan terpisah dari konteks keluarga dan ditumpukan terutamanya kepada penguntukkan, pemilihan dan melatih individu-individu supaya berperanan dalam suatu masyarakat yang sedang berubah.

Di Luak Ulu Muar, Kuala Pilah, telah wujud dua bentuk pendidikan yang berjalan seiring. Pertamanya pendidikan informal (agama) dan yang keduanya pendidikan formal (sekular). Bentuk pendidikan kedua tersebut telah mewujudkan beberapa jenis institusi yang berbeza, iaitu Sekolah Melayu, Sekolah Inggeris dan Sekolah Pertukangan.³²

³¹Ibid, hal. 177

³²Norhalim Haji Ibrahim, Adat Negeri Sembilan Melalui Masa, Dalam *Warisan*, Keluaran 17, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan, hal. 28.

Mengikut Sutcliffe, kebanyakan ketua adat di Negeri Sembilan termasuk di Luak Ulu Muar, gagal mendapatkan atau tidak berpeluang menikmati pendidikan Inggeris untuk anak-anak buah mereka³³. Ketua-ketua adat juga belum begitu faham dengan kepentingan pendidikan pada waktu itu. Kebanyakan ketua adat pada waktu itu sangat gusar dengan langkah Inggeris menubuhkan sekolah yang berbentuk Barat. Keadaan ini terjadi kerana ibu bapa lebih ghairah menghantar anak-anak mereka ke sekolah pondok dan agama yang banyak dijalankan secara tidak formal waktu itu. Pentadbir Inggeris pula tidak menggalakkan pelajar Melayu masuk ke sekolah Inggeris, sebaliknya mencadangkan supaya mereka masuk sekolah Melayu (vernakular). Alasan mereka ialah untuk kebahagiaan orang Melayu dan kepentingan kaum Melayu berterusan.

Di Luak Ulu Muar ini Inggeris terus mempergunakan keadaan yang ada untuk kepentingan mereka. Dasar Inggeris di kawasan ini adalah meneruskan lagi segala bentuk perpecahan yang ada³⁴. Mereka diajar membaca, menulis, mengira dan ilmu kesihatan. Segala pelajaran yang dijalankan adalah bertujuan untuk menjadikan masyarakat Melayu Luak Ulu Muar rajin bekerja, mengikut perintah, menjaga kesihatan, dan mempunyai kelakuan yang baik. Dasar pelajaran Inggeris terhadap orang Melayu ini sangat nyata, supaya masyarakat Melayu di sini tidak berubah. Ini selaras dengan pengisytiharan G.W.

³³G., Sutcliffe, *A Short History of Education In Negeri Sembilan*, London, University of London, 1956, hal. 182.

³⁴William Roff, *Origin of Malay Nationalism*, Yale University Press, New Haven, 1967, hal. 25. Juga lihat pendapat Khasnoor Johan, *Perkhidmatan Tadbir Melayu: Tradisi Dan Peranan Dalam Konteks Kerajaan Penjajah, Dalam Malaysia: Sejarah Dan Proses Pembangunan*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, hal 57.

Maxwell yang menyatakan tujuan pendidikan Kerajaan Inggeris ialah;

*"...untuk membaiki keadaan kebanyakan orang Melayu, dan menjadikan anak-anak mereka nelayan atau petani yang lebih baik dari bapanya dan menjadikannya seorang yang memahami nasibnya sesuai dengan keadaan penghidupan sekelilingnya..."*³⁵

Ramai kalangan ketua-ketua adat mulai sedar bahawa kanak-kanak Melayu yang berjaya ke sekolah Inggeris telah diajar nilai dan norma asing. Manakala pelajar di sekolah Melayu di Kuala Pilah pula hanya diberikan pelajaran yang menjurus kepada kerja-kerja pertanian dan kerja-kerja pertukangan kerana takut masyarakat Melayu meninggalkan lapangan pertanian menanam padi.³⁶ Sehingga tahun 1920-an ramai kalangan pemimpin adat masih tidak sedar Inggeris kurang berminat untuk mengubah masyarakat Melayu, tetapi mereka tiada jalan lain kerana kanak-kanak perlu kepada pendedahan ilmu-ilmu moden untuk lebih maju. Pada sepanjang penjajahan Inggeris ini hanya segelintir sahaja pelajar Melayu yang mampu belajar ke peringkat tinggi.

Namun begitu pendidikan yang diperolehi oleh mereka tetap menjadikan golongan tersebut berubah pandangan terhadap amalan Adat Perpatih. Terutamanya pelajar wanita yang begitu sedar betapa sistem Adat Perpatih tetap mahukan mereka duduk di rumah menjaga tanah pusaka yang akan diwariskan. Dalam erti sebenarnya kaum wanita tidak perlu belajar tinggi. Kedudukan wanita telah dikatakan terjamin

³⁵W.G.Maxwell dan Gibson, *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo*, Fruscott and Son Ltd, London, 1924, hlm. 43.

³⁶Ibid, hlm 48.

dengan sistem pewarisan tanah yang bakal mereka perolehi. Golongan pelajar yang ketara menyuarakan pandangan perlunya perubahan ialah pelajar lepasan sekolah Inggeris dan Agama. Bagi pelajar aliran Inggeris mereka terikut dengan pandangan budaya Barat moden manakala pelajar aliran agama(sekolah pondok) melihat kepincangan Adat Perpatih melalui pertentangannya dengan hukum agama Islam.

Menurut seorang ketua adat iaitu Dato' Mohd Noor Kamar, waktu itu sudah ada masyarakat Adat Perpatih terutama yang berpendidikan Inggeris ingkar dengan hukum adat. Umpamanya dalam kes ingin berkahwin dengan pasangan yang sama suku, mereka akan mencari jalan lain untuk berkahwin iaitu dengan alasan mengikut hukum syarak. Inilah menunjukkan pendidikan Inggeris telah banyak mengubah cara hidup dan pandangan mereka terhadap amalan Adat Perpatih. Walaupun bilangan mereka tidak ramai tetapi sudah ada individu yang dapat mengesan amalan Adat Perpatih tidak memberi ruang kepada kaum wanita belajar ke peringkat tinggi.

2.6 Penjajahan: Dilihat Dari Sudut Kesan Ke Atas Perjalanan Sistem Beradat

Campur tangan pentadbiran Inggeris di Negeri Sembilan sebenarnya bermula sejak mereka menduduki Melaka pada tahun 1795 hingga 1881, ketika terlibat dalam peperangan Naning. Selepas itu pengaruh Inggeris terus menular hingga sampai ke Luak Ulu Muar di Kuala Pilah. Di samping itu terdapat beberapa faktor lain yang mempengaruhi penjajahan Inggeris di Negeri Sembilan seperti, perebutan jawatan Yamtuan Besar Negeri

Sembilan dan perebutan kawasan berpotensi ekonomi, seperti kawasan lombong dan sungai-sungai penting³⁷

Memang sudah menjadi sifat kolonial Inggeris yang sentiasa mengintai peluang untuk campurtangan di Ulu Muar. Malah kedatangan mereka sendiri bermotifkan ekonomi dan meluaskan lagi wilayah kolonial. Seperti yang diketahui, Negeri Sembilan ketika itu kaya dengan hasil bumi. Peluang baik untuk Inggeris campur tangan ialah pada 18 Mac 1889, iaitu selepas Yamtuan Seri Menanti dan semua Luak bersetuju menerima seorang residen Inggeris³⁸. Turut dinyatakan dalam perjanjian ini ialah semua luak dan daerah dalam Negeri Sembilan menjadi sebuah negeri. Perjanjian itu menunjukkan bermulanya penglibatan Inggeris secara langsung di dalam pemerintahan di Negeri Sembilan termasuk Luak Ulu Muar.

Pada peringkat awal pentadbirannya, Inggeris tidak cuba mengubah struktur politik masyarakat Adat Perpatih secara radikal. Sebaliknya, tumpuan lebih diberikan kepada penyesuaian ke arah penggunaan institusi-institusi sosial dan politik masyarakat Luak Ulu Muar. Ini sebagai jaminan supaya masyarakat beradat Luak Ulu Muar khususnya di kalangan ketua-ketua adat tidak membantah pembaharuan-pembaharuan yang diperkenalkan oleh Inggeris.

³⁷William Roff, *Origin of Malay Nationalism*, Yale University Press, New Haven, 1967, hlm. 25.

³⁸Abdul Samad Idris, *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*, Utusan Melayu Berhad, Kuala Lumpur, 1968, hlm. 30.

Penyesuaian telah dilakukan dalam bidang pentadbiran. Penjajah Inggeris telah menubuhkan sistem Pentadbiran berpusat. Di dalam sistem ini secara tidak langsung memerlukan lebih ramai calon untuk mengisi beberapa jawatan pegawai kolar putih. Pada peringkat awal skim perkhidmatan yang dikenali sebagai '*The Higher Subordinate Class Scheme*' telah diperkenalkan pada tahun 1910. Jawatan ini telah diciptakan untuk menggantikan pegawai pentadbiran beradat tradisional untuk menjalankan dan melicinkan jentera pentadbiran kolonial Inggeris³⁹. Sehubungan dengan itu, melalui pendidikan moden, ramai anak-anak dari kawasan Luak Ulu Muar dihantar ke institusi tajaan penjajah Inggeris di Kuala Kangsar.⁴⁰ Jika diteliti, wujudnya eksploitasi secara halus pihak penjajah sendiri. Ini kerana ciri-ciri khas pegawai yang diserap ialah kebolehan mereka yang dididik khas di Maktab Melayu Kuala Kangsar.

Penyerapan tradisi moden khususnya yang melibatkan ketua adat sendiri, telah menimbulkan nilai baru dalam pemikiran masyarakat adat perpatih Luak Ulu Muar. Dato Sedia Raja Abdullah misalannya, bukan sahaja menggalakkan pendidikan moden ala Inggeris di kalangan Masyarakat Melayu tetapi telah bertindak sebagai penggalak kepada anak-anak masyarakatnya belajar. Akibatnya ramai di kalangan anak-anak masyarakat tempatan bekerja sebagai kerani dalam jabatan-jabatan kerajaan yang sangat terhad pada waktu itu. Jawatan kerani di Pejabat Daerah Kuala Pilah⁴¹ umpamanya sangat

³⁹Institusi tersebut ialah The Malay College of Kuala Kangsar(MCKK). Pemilihan anak golongan elit ini sebenarnya adalah konsesi kepada anak raja dan ketua-ketua adat. Tujuannya untuk menjaga hubungan baik dengan kerajaan. Lihat dlm. Khasnor Johan, "Perkhidmatan Tadbir Melayu: Tradisi dan Peranan Dalam Konteks Kerajaan Penjajah, dlm. *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1979, hlm. 67.

⁴⁰*Ibid*, hlm. 72.

⁴¹Taha Abdul Kadir, "Dilema Yang Wujud Dalam Masyarakat Adat Perpatih Masa Kini", *Kertas Kerja Seminar Adat Perpatih*, Anjuran Persatuan Mahasiswa Anak Negeri Sembilan, September 17-18, hal. 15, 1988, hal. 35.

kecil bilangan orang Melayu yang diperlukan.. Kesan tidak langsungnya telah mencipta satu bentuk punca pendapatan baru di kalangan masyarakat adat perpatih Kuala Pilah dan seterusnya menggalakkan pembentukan kelas menengah baru atau '*the emerging rural middle class*'⁴².

Berikutan pengenalan sistem birokrasi moden juga, Luak Ulu Muar telah dipecahkan kepada beberapa daerah politik dan pentadbiran moden. Daerah-daerah ini memerlukan seorang pegawai daerah bagi mengetuai pejabat daerah dan pembantu-pembantu bagi menguruskan pelbagai perkara seperti pemungutan cukai., menguruskan soal tanah, dan sebagainya. Menurut Khasnor Johan, dalam hal ini sudah sewajarnya pegawai Inggeris sendiri bertindak sebagai pegawai daerah kerana ini sejajar dengan dasar penjajahan mereka⁴³. Malah sejak era sistem residen lagi, semua pegawai Inggeris mempunyai kuasa yang amat luas.

Peletz pula menyatakan, selepas tahun 1898, apabila sistem residen diperkenalkan, pegawai yang paling berkuasa di setiap daerah ialah pegawai pemungut hasil tanah (*The Collector of Land Revenue*). Tambah beliau lagi, selain mengutip cukai, pegawai Inggeris turut berfungsi menguatkuasakan undang-undang dan peraturan⁴⁴.

⁴²Abbas Ali, "Sebahagian Dari Dasar Adat Perpatih, Dalam *Kertas Kerja Seminar Persejajaran dan Adat Perpatih*, Anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, April 10-12 1974, hal. 17

⁴³Khasnor Johan, *Perkhidmatan Tadbir Melayu: Tradisi Dan Peranan Dalam Konteks Kerajaan Penjajah*, Dalam *Malaysia: Sejarah Dan Proses Pembangunan*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1982, hal 77.

⁴⁴Dalam perkataan lain, mereka juga bertindak sebagai majistret yang mengendalikan mahkamah berkaitan dengan kes jenayah dan sivil berdasarkan model mahkamah di England. Lihat dalam M.,G, Peletz, *A Share of The Harvers: Kinship, Property and Social History Among The Malays of Rembau*, University of California, London, 1988, hal 97-99.

Kewujudan sistem mahkamah yang dikendalikan oleh penjajah Inggeris ini telah menjadikan sistem mahkamah terbahagi kepada tiga iaitu Syariah badan pengadilan adat dan Inggeris⁴⁵. Bagi menjamin dan memastikan pelaksanaan undang-undang Inggeris, penjajah Inggeris telah menggunakan tiga cara;

1. Melalui keputusan hakim-hakim Inggeris yang telah menjatuhkan hukuman berdasarkan undang-undang Inggeris yang berasaskan *Common Law* dan kaedah ekuiti. Bermakna undang-undang Inggeris dijadikan sebagai rujukan.
2. Melalui perundangan di atas diwajibkan pentadbir undang-undang menerima nasihat Inggeris Dengan cara ini beberapa undang-undang Inggeris dari India telah dibawa ke negeri-negeri Melayu dan dikuatkuasakan sebagai undang-undang negeri ini. Contohnya, *Contract Ordinance*, *Evidence Ordinance* dan *Penal Code*.
3. Penubuhan Majlis Mesyuarat Negeri yang berkuatkuasa membuat undang-undang. Umumnya undang-undang yang dibuat dan diluluskan oleh Majlis negeri-negeri adalah berdasarkan undang-undang Inggeris.⁴⁶

Apa yang ketara di sini pihak penjajah tidak pula memansuhkan sistem undang-undang adat dan keagamaan sepenuhnya. Inggeris cuma mengurangkan kuasa adat dan agama sahaja. Waktu itu undang-undang adat dan undang-undang Islam hanya ditumpukan kepada soal nikah cerai, pembahagian tanah pesaka, masalah perlantikan pemimpin adat dan hal-hal yang berhubung dengan kekeluargaan. Berdasarkan keadaan tersebut jelas kepada kita mana-mana perkara yang tidak melibatkan kepentingan Inggeris terus dibenarkan. Ini sejajar dengan tujuan penjajah Inggeris untuk memelihara dan menyimpan adat dan cara hidup kampung Melayu.

⁴⁵*Ibid*, hal. 101.

⁴⁶Azam dan Mohd Akhir Yaacob, *Prinsip Prinsip Perundangan Islam*, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1984, hal. 181.

Implikasi daripada sistem pentadbiran birokrasi penjajah ini telah menjadikan fungsi dan peranan ketua-ketua adat Luak Ulu Muar seperti penghulu, lembaga dan buapak semakin kurang penting. Sedangkan pada waktu pentadbiran tradisional dahulu, mereka dikatakan berkuasa atas permasalahan mengenai tanah, harta pesaka, pengendalian masalah jenayah dan sivil, penggubal dasar-dasar pentadbiran dan sebagainya.

Setelah kuasa mereka berpindah kepada birokrasi pemerintah seperti pejabat daerah, maka tugas ketua adat di Luak Ulu Muar tidak lebih hanya sebagai saksi seperti urusan pembahagian tanah dan pewarisan nama pada tanah pesaka adat. Dalam soal tanah misalnya, penjajahan Inggeris telah meluluskan 'Land Tenure Chapter 214' pada tahun 1926. Dengan adanya akta ini maka pendaftaran hak milik tanah pusaka adat adalah menggunakan istilah-istilah Inggeris, yang tidak difahami oleh ketua dan masyarakat adat di Luak Ulu Muar⁴⁷.

Bagi pihak penjajah Inggeris, kejayaan ekonomi adalah perkara yang mustahak sekali. Dari itu segala bentuk pembaharuan yang dilakukan adalah berkaitan dengan keperluan dan permintaan ekonomi kapitalis dan bukannya atas keperluan penduduk di kawasan Luak Ulu Muar ini. Bagi menjayakan matlamat ini penjajah Inggeris telah memperkenalkan kegiatan penanaman tanaman jualan. Salah satu yang utama ialah tanaman getah, yang digalakkan di kalangan petani-petani dan pekebun-pekebun bagi memenuhi permintaan dunia ketika itu. Sebagai tanaman komersial yang membawa

⁴⁷Bukan ketua-ketua adat sahaja yang tidak faham malah boleh dikatakan semua anak-anak buah, tidak tahu apa maksud sebenar isi sesuatu surat atau dokumen yang dikeluarkan oleh Inggeris. Lihat dalam Nadzan Haron, 'Sistem Pewarisan Dalam Adat Perpatih, *Kertas Kerja Warisan Adat Perpatih*, Anjuran Persatuan Mahasiswa Anak Negeri Sembilan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi September 1992, hal. 11-12.

keuntungan tinggi, penanaman getah telah menarik minat petani. Keadaan ini telah menyebabkan peralihan gunatanah daripada tanaman tradisi (sawah padi) kepada tanaman jualan seperti getah⁴⁸.

Kegiatan ekonomi seperti tanaman jualan ini memberi kesan penting terhadap kehidupan komuniti beradat, khususnya dari segi komposisi penduduk. Kini Luak Ulu Muar mula dibanjiri oleh Imigran Cina dan India yang banyak terlibat dalam perladangan getah. Kemudian konsep harta sepencarian menjadi bertambah penting, manakala penggunaan tanah adat mula terjejas. Dalam hal ini Josselin de Jong dalam kajiannya menjelaskan '*...moreover, on the death of the owner there is a very strong tendency for rule ... not to become ancestral*'⁴⁹. Semasa penjajahan Inggeris dasar pemilikan tanah bebas telah dikuatkuasakan dan membolehkan tanah dibeli dan dimiliki oleh sesiapa berdasarkan sistem Torrens. Dengan itu pada teorinya semua tanah adalah milik kerajaan⁵⁰.

Apabila wujud keadaan ini, masyarakat Melayu Luak Ulu Muar, yang terkenal dengan komunal, sistem ekonomi sawah dan mengamal sistem barter, telah mula berkenalan dengan tradisi yang bersifat individualistik, sistem ekonomi kapitalis yang

⁴⁸Para petani yang selama ini bergantung hidup dengan bersawah di tanah adat, kini telah mula terangkum dalam lingkungan ekonomi dunia. Lihat dalam P.E., Josselin de Jong, *Minangkabau and Negeri Sembilan, Socio-Political Structure In Indonesia*, Eduard Ijdo N.V, Leiden, 1952, hal. 161. _

⁴⁹Tanah pada pada mulanya boleh dimiliki oleh semua rakyat atas dasar mengerjakan sahaja, kerana semua tanah pada teorinya adalah milik raja. Lihat dalam Josseline de Jong, , *Minangkabau and Negeri Sembilan, Socio-Political Structure In Indonesia...* hal. 178.

⁵⁰Lihat dalam Shamsul Amri, "Sistem Politik dan Ekonomi Adat Perpatih", *Kertas Kerja Seminar Adat Perpatih*, Anjuran Persatuan Mahasiswa Anak Negeri Sembilan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1992, hal. 13.

berteraskan wang, dan ekonomi pasaran. Kehidupan petani sentiasa terdedah dengan sistem pemasaran.

2.7 Kesimpulan

Dalam meneliti period kedua iaitu zaman penjajahan Inggeris ini kita dapat melihat bagaimana kekuasaan politik masyarakat adat perpatih Luak Ulu Muar berpindah tangan kepada penjajah Inggeris. Pada zaman pentadbiran tradisional, adat perpatih adalah sumber rujukan segala peraturan dalam sistem sosial masyarakatnya. Adatlah yang dijadikan sebagai undang-undang yang mengatur cara pentadbiran politik dan hidup bermasyarakat adat perpatih juga mengajar masyarakat Luak Ulu Muar Kuala Pilah dalam sistem pentadbiran demokrasi.

Peraturan hidup yang terkandung dalam perbilangan adat tradisional itu menjadi undang-undang dalam menjalankan sesuatu perkara. Tetapi setelah Inggeris campurtangan dalam pentadbiran Negeri Sembilan, maka segala undang-undang Inggeris digunakan sehingga pentadbiran mengikut sistem adat perpatih hilang dan dilenyapkan. Apa yang tinggal hanyalah adat istiadat yang digunakan sewaktu nikah kahwin, pembahagian harta pusaka, adat di istana dan istiadat mengadap raja. Namun begitu satu aspek penting dan paling nyata ialah tentang pentadbiran tanah adat yang sebelum kedatangan Inggeris tidak mempunyai satu sistem yang didokumentasikan⁵¹.

⁵¹Sebelum penjajahan Inggeris tidak ada batu sempadan yang menentukan hak seseorang pemilik tanah. Sempadan pembahagian yang biasa dibuat ialah seperti pokok buah-buahan atau lain-lain tanda yang mudah dan jelas. Lihat Abdul Samad Idris, Secebis Mengenai: Adat Perpatih, Nilai dan Falsafahnya, dalam *Adat Merentas Zaman*, Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan, Seremban, 1994, hal 44.

Beberapa pindaan undang-undang pemilikan tanah telah dapat memperbaiki sistem pembahagian yang dinyatakan secara dokumentasi yang jelas. Perkara ini memudahkan ketua-ketua adat dalam urusan seharian mereka. Dalam aspek ini kita tidak boleh nafikan pembaharuan yang dilakukan oleh pentadbiran Inggeris sangat berkesan dalam perkembangan Adat Perpatih.

Namun pada keseluruhannya perkembangan Adat Perpatih dalam period pemerintahan Inggeris di Negeri Sembilan secara nisbinya tidak sekejam pemerintahan kuasa-kuasa penjajah di tempat lain. Masyarakat Melayu Luak Ulu Muar, Kuala Pilah tetap terus dengan Adat Perpatihnya. Anwar Ibrahim dalam bukunya *Gelombang Kebangkitan Asia* ada menyatakan;

“Tetapi dasar pemerintahan yang boleh dikatakan berperikemanusiaan itu juga menyebabkan dan meneruskan jurang perbezaan sosioekonomi antara kaum. Atas nama memberi perlindungan kepada mereka, bangsa Melayu dikhususkan ke kawasan desa sebagai petani dan dipinggirkan daripada perkembangan ekonomi moden. Pemerintah Inggeris memberi pengiktirafan adat tradisi untuk diteruskan demi mengelakkan Melayu bangun”⁵²

Kehidupan masyarakat Adat Perpatih ini sengaja diprogramkan sedemikian rupa agar mereka terus hidup tanpa banyak mengganggu perjalanan sistem penjajah di kawasan Luak Ulu Muar keseluruhannya. Akhirnya sepanjang zaman penjajahan Inggeris telah wujud dua sistem pentadbiran yang berbeza perlaksanaannya. Pentadbiran yang dominan ialah birokrasi moden yang dilihat berfungsi, manakala sistem pentadbiran adat yang

⁵¹Anwar Ibrahim, *Gelombang Kebangkitan Asia*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1997, hal. 65.

berstruktur dan berorganisasi tetapi tidak berfungsi lagi dalam pentadbiran harian. Sistem adat ini hanya berfungsi dan berkuasa dalam hal-hal yang berkaitan dengan adat, khususnya tentang tanah adat dan adat istiadat seperti dalam rajah di bawah..

Pegawai Inggeris	Wilayah Kekuasaan		Pemimpin Adat
Pegawai Daerah	Birokrasi(moden)	Adat	Lembaga
	Daerah	Suku	
		Perut	Buapak
Penghulu Mukim	Mukim	Ruang	Besar
Ketua Kampung	Kampung	Rumpun	Kadim
Rakyat / Orang Kampung / Anak Buah			

Jadual 3 : Struktur dan Kepimpinan Semasa Penjajahan Inggeris

Masyarakat Adat Perpatih dikatakan terus tenggelam dalam hegemoni budaya yang dibawa oleh penjajah Inggeris. Perubahan ini berlaku lantaran ampuhnya budaya yang diperkenalkan oleh Barat terutama melalui sistem sosial(pendidikan) dan ekonomi. Ini menunjukkan sesuatu budaya yang lebih dominan akan menguasai budaya yang satu lagi seperti yang berlaku ke atas masyarakat Adat Perpatih, Luak Ulu Muar, Kuala Pilah.

BIBLIOGRAFI

Buku Rujukan

- Abdul Samad Idris. 1968. *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu Berhad.
- Abdul Rahman Mohamad. 1964. *Dasar-dasar Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Abdullah Siddik. 1975. *Pengantar Undang-undang Adat Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Amir Syarifuddin. 1984. *Pelaksanaan Hukum Kewarisan Islam Dalam Lingkungan Adat Minangkabau*. Jakarta: PT Gunung Agung.
- Anwar Ibrahim. 1997. *Gelombang Kebangkitan Asia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Azam dan Mohd Akhir Yaacob. 1975. *Prinsip Prinsip Perundangan Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Bauer. 1948. *The Rubber Industry*. Harvard: Cambridge Harvard University Press.
- Ding Eing Tan Soo Hai. 1964. *The Rice Industry in Malaysia, Singapore*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Hasbi Ash Shiddieqy. 1973. *Fiqhul Mawaris, Hukum-hukum Warisan dalam Syariat Islam*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Hooker. M.B. 1970. *Adat Law in Modern Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Hua Wu Yin. 1983. *Class and Communalism in Malays*. London: Zed Book Ltd.
- Ibrahim Saad. 1968. *Pendidikan Dan Politik Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ismail Ambia. 1959. *Pentadbiran Adat Perpatih Negeri Sembilan*. Singapore: Universiti Malaya.

- Josselin de Jong P.E. 1952. *Minangkabau and Negeri Sembilan, Sosio-Political Structure In Indonesia*. Leiden:Eduard Ijdo N.V.
- Khasnor Johan. 1979. "Perkhidmatan Tadbir Melayu: Tradisi dan Perubahan Dalam Konteks Kajian Penjajah" *Dalam Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoo Kay Kim. 1972. *The Western States 1850-1873*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Martin. 1974. *Education as Cultural Imperialism*. New York: David Mackay Co.Inc.
- M. Ali Hasan. 1973. *Hukum Warisan dalam Islam dengan Undang-undang Adat*. Jakarta:Bulan Bintang.
- Maxwell . W.G. dan Gibson. 1924 . *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo*, ., London:Fruscott and Son Ltd.
- Nash. J dan Fernandez-Kelly. M.P. 1983. *Women, Men and International Division of Labour*.Albany: Suny Press.
- Norhalim Haji Ibrahim. 1976. *Social Change and Continuty in the Matrilineal Society of Negeri Sembilan*. Hull: University of Hull.
- Norhalim Ibrahim. 1993. *Adat Perpatih: Perbezaannya dan Persamaannya Dengan Adat Temenggung*. Kuala Lumpur:Penerbit Fajar Bakti.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 1995. *Negeri Yang Sembilan, Daerah Kecil Pusaka Adat, Warisan Kerajaan Berdaulat*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Nordin Selat. 1978. *Renungan*. Kuala Lumpur:Utusan Publications and Distributions.
- Nordin Selat. 1982. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Norazit Selat. 1990. Tanah Terbiar Di Zaman Pembangunan, *Negeri Sembilan Dahulu Dan Sekarang*, Kuala Lumpur :Muzium Negara.
- Ooi Jin-Bee. 1968. *Bumi, Penduduk dan Ekonomi di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Ishak. 1982. *Hubungan Antara Undang-Undang Islam dengan Undang-Undang Adat*. , Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Peletz. M.1983. *A Share of the Harvest: Kinship, Property and Social History Among the Malays of Negeri Sembilan*. Machigan: The University of Machigan.

- Peletz. M.G. 1988. *A Share of The Harvers: Kinship, Property and Social History Among The Malays of Rembau*. London: University of California.
- Roberta. S. 1970. *Learning About Politic*. New York: Random Hause.
- Sadka. E. 1968. *The Protected Malay States 1874-1896*. Kuala Lumpur: University of Malays Press.
- Sutcliffe. G. 1968. *A Short History of Education In Negeri Sembilan*. London: University of London.
- Sheppard. M. 1965. *A Short History of Negeri Sembilan*. Singapore: Eastern Universities.
- Toffler. A. 1978. *The Third Wave*. New York: Lomngman Inc.
- Tsuyoshi Kato(terj.). 1989. *Nasab Ibu dan Merantau: Tradisi Minangkabau Yang Berterusan Di Indonesia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Vip Vat Hoong. 1969. *The Development of the Tin Mining In Malaya*. Kuala Lumpur :University Malaya Press.
- William.R. 1967. *Origin of Malay Nationalism*. New Neven:Yale University Press.
- Wong Lin Ken. 1965. *The Malay Tin Industry to 1914*. Arizona: University of Arizona Press.

Jurnal

- Amarjit Kaur. 1989. The Malay Peninsula in the Nineteenth Century: An Economic Survey. *Sarjana*,.
- Cheng Siok Hwa. 1969. "The Rice Industry of Malaya: An Historical Survey". *JMBRAS*. XLII. 2.
- Nathan. J.E. Winstedt. R.O. 1920. "Johol, Inas, Ulu Muar, Jempol, Gunung Pasir and Terachi". *Papers on Malay Subjects*. 2nd series. Federated Malay States. Culcutta.
- Norhalim Haji Ibrahim. Adat Negeri Sembilan Melalui Masa. Dalam *Warisan*. Keluaran 17. 1983. Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia. Cawangan Negeri Sembilan

- Norhalim Ibrahim. 'Adat Perpatih: Sejarah dan Sistem Sosial'. dalam *Budaya Negeri* 11/12 1993.
- Taylor. E.N. 1948. "Aspects of Customary Inheritance in Negeri Sembilan". *JMBRAS* 21 (1948). pt. 2
- Thio. E. 1962. "The British Forward Movement In The Malay Peninsular 1880-1889". *Papers on Malayan History*. Singapore: Tregonings.
- Resident General Circular No. 5 of 1897, Negeri Sembilan, *Government Gazette*,
- Sheehan. J.J. dan Abdul Aziz. "Adat Kuala Pilah". *JMBRAS*. 14(3). 1936.
- Zainal Abidin Borhan. 1989. *Fenomena 2*. Jabatan Pengajian Melayu. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

Kertas Seminar

- Abbas Ali. 1974. "Sebahagian Dari Dasar Adat Perpatih. Dalam *Kertas Kerja Seminar Persejaraan dan Adat Perpatih*. Anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan. April 10-12 .
- Abdullah Siddik. 1974. "Adat dan Modernisasi". *Seminar Pensejaraan Adat Perpatih*. Anjuran MBNS.
- Abdul Samad Idris. 1974. 'Kemurnian Dalam Adat Perpatih'. Dalam *Seminar Pensejaraan dan Adat Perpatih*. Seremban.
- Jaafar Muhamad dan Abdul Shukor Ariffin. Masalah dan Prospek Ekonomi Bumiputera. Kumpulan *Kertas Kerja* 3. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Lim Man Hui. 1982. 'Catalism and Industrialization in Malaysia'. dalam *Bulletin of Concerned Asian Scholars*. 14(1) :32-47.
- Mohd .Dahlan. 1984. "Sistem Idea Dalam Masyarakat Adat". *Kertas kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan*. Universiti Pertanian Malaysia. Serdang.
- Nadzan Haron. 1992. 'Sistem Pewarisan Dalam Adat Perpatih. *Kertas Kerja Warisan Adat Perpatih*. Anjuran Persatuan Mahasiswa Anak Negeri Sembilan. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi September.

Nathan. J.E. Winstedt. R.O. 1920. "Johol, Inas, Ulu Muar, Jempol, Gunung Pasir and Terachi". *Papers on Malay Subjects*. 2nd series. Federated Malay States. Culcutta.

Shamsul Amri. 1992. "Sistem Politik dan Ekonomi Adat Perpatih". *Kertas Kerja Seminar Adat Perpatih*. Anjuran Persatuan Mahasiswa Anak Negeri Sembilan. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.

Sheehan. J.J. dan Abdul Aziz. 1936. "Adat Kuala Pilah". *JMBRAS*. 14(3).

Taha Abdul Kadir. 1988. "Dilema Yang Wujud Dalam Masyarakat Adat Perpatih Masa Kini". *Kertas Kerja Seminar Adat Perpatih*. Anjuran Persatuan Mahasiswa Anak Negeri Sembilan. September 17-18.

Taha Abd. Kadir. 1980. "Masyarakat Adat Perpatih Kontemporari di Negeri Sembilan Dalam Menghadapi Perubahan Sosio Ekonomi. Dalam *Seminar International mengenai Kesusasteraan, Kemasyarakatan dan Kebudayaan Minangkabau*.

DOKUMEN

Collector and Magistrate of Sri Menanti, Malay Grants Book. No. 1, 1887, hal 87. (Simpanan Pejabat Tanah Kuala Pilah)

Enakmen Pemegangan Adat, Bab 215. Customary Tenure Enactment.

Resident General Circular No. 5 of 1897. Negeri Sembilan. *Government Gazette*. 1897

Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua 1973. Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan Malaysia.

LATIHAN ILMIAH

Norhalim Ibrahim. 1971. 'Kekeluargaan dan Ekonomi Dalam Masyarakat Melayu Desa di Rembau. Negeri Sembilan. *Latihan Ilmiah*. Jabatan Pengajian Melayu. Universiti Malaya.

SENARAI INFORMAN

Dato' Bentara Setia Maharaja Abu Zarin Bin Sulaiman,
Penghulu Luak Ulu Muar

Dato' Orang Kaya Mempasir Setiawan Mansor Bin Gempam
Penghulu Luak Gunung Pasir,
Seri Menanti.

Dato' Orang Kaya Kechil Haji Yaacob Bin Adi,
Lembaga Suku Anak Acheh,
Luak Ulu Muar,
Kuala Pilah.

Dato' Orang Kaya Bongsu Mansor Bin Shahman,
Lembaga Suku Seri Semelenggang,
Luak Ulu Muar,
Kuala Pilah.

Dato' Seri Maharaja Khalid Bin Bonget,
Lembaga Suku Mungkal,
Luak Ulu Muar,
Kuala Pilah.


Ustaz Ahmad Siffian,
Pegawai Penyelidikan,
Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam,
Negeri Sembilan.

Ustaz Hasyim Bin Abdul Ghani,
Pengetua Ma'ahad Ittiba'a Al-Sunnah,
Kuala Pilah.

Haji Mohd Murtadza Bin Haji Ahmad,
Mufti Kerajaan Negeri,
Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam,
Negeri Sembilan.

GLOSARI

1. Orang semenda : Orang mendatang
2. Tempat menda : Penduduk asal
3. Waris pesaka : Perempuan
4. Sekedim : Saudara
5. Kebulatan : Sebulat suara setuju
6. Seadat : Apabila tempat menda berkumpul
7. Dikampungkan : Dikumpulkan
8. Mamak : Bapa saudara
9. Saka : Sudah terlalu lama
10. Buapak : Ketua perut
11. Sandar menyandar : Saling memerlukan
12. Waris : Saudara
13. Menyeraya : Minta tolong
14. Suku : Kaum keluarga seketerunan daripada sebelah ibu
15. Adat semenda menyemenda tak hujan dek panas : Aturan hidup berkeluarga
16. Kadim : Saudara baru yang diterima sebagai anggota suku melalui proses adat
17. Lembaga : Seorang yang dilantik ketua suku bagi mengepalai penyelesaian dalam kes tanah pusaka sekiranya terjadi kekusutan dan untuk menjaga ketenteraman anak buah dalam masalah adat, perkahwinan dan pergaduhan yang berpunca



Dato' Abu Zarin bin Sulaiman, PPS (Sel)

*Dato' Bendahara Setia Maharaja
Setia Maharaja Lela Pahlawan
Penghulu Luak Ulu Muar*



Dato' Hj. Yaakob Ali
(Dato' Orang Kaya Kecil)



Dato' Sulaiman bin Mat Kasan
(Dato' Maharaja)



Dato' Hj Adnan bin Hj Mohd Sharif
(Dato' Maharaja Lela)



Dato' Ujang bin Idam
(Dato' Penghulu Dagang)



Dato' Ibrahim bin Hj Salleh
(Dato' Semaharnia)



Dato' Abu Hassan Sulaiman
(Dato' Paduka Besar)



Dato' Khalid Bonget
PJK, PK
(Dato' Seri Maharaja)



Dato' Hj. Pilus Maaris
(Dato' Senara Muda)



Dato' Md. Shah Idris
(Dato' Syahbandar)



Dato' Yaakob Sudin PJK
(Dato' Peda Maharaja)

PENGHULU DAN LEMBAGA LUAK ULU MUAR

- | | |
|--|--|
| 1. Dato' Bendahara Setia Maharaja.
Setia Maharaja Lela Pahlawan
(Dato' Abu Zarin bin Sulaiman) | - Penghulu Luak Ulu Muar
Suku Biduanda Waris,
Lantai Kulit. |
| 2. Dato' Perdana
(Dato' Sulaiman b. Sutan) | - Bakal Penghulu Luak
Suku Biduanda Waris.
Lantai Kulit. |
| 3. Dato' Perba
(Dato' Nor Azin Al-Ain) | - Bakal Dato' Perdana
Suku Biduanda Waris,
Lantai Kulit. |
| 4. Dato' Baginda Maharaja
(Dt. Abdullah bin Hussin) | - Haluan Sembah dan Serempu
Suku Biduanda Waris,
Lantai Kulit. |
| 5. Dato' Shahbandar
(Dt. Md. Shah b. Idris) | - Suku Biduanda Waris
Lantai Kulit. |


Haluan Sembah

- | | |
|--|--------------------------|
| Dato' Baginda Maharaja
(Dt. Mohd Zain bin Ujud) | - Suku Seri Lemak Pahang |
|--|--------------------------|

Lembaga Yang Empat.

- | | |
|--|------------------------------|
| 1. Dato' Paduka Besar
(Dt. Abu Hassan b. Sulaiman) | - Suku Tanah Datar |
| 2. Dato' Seri Maharaja
(Dt. Khalid Bonget PJK., PK) | - Suku Mungkal |
| 3. Dato' Senara Muda
(Dt. Hj. Pilus Maaris) | - Suku Serilemak Minangkabau |
| 4. Dato' Orang Kaya Bongsu
(Dt. Hj. A. Aziz Mohd Nor) | - Suku Seri Melenggang |

(STRUKTUR PENTADBIRAN ADAT)





COP MOHOR
PENGHULU LUAK ULU MUAR

Lembaga Yang Delapan.

- | | |
|--|------------------------------|
| 1. Dato' Peda Maharaja
(Dt. Hj. Yaakob b. Sudin) | - Suku Tiga Batu |
| 2. Dato' Senara Kaya
(Dt. Hj. Idris Tain) | - Suku Paya Kumbuh |
| 3. Dato' Senara Angsa
(Dt. Hj. Nordin A. Hamid) | - Suku Batu Belang |
| 4. Dato' Orang Kaya Kecil
(Dt. Hj. Yaacob b. Adi) | - Suku Anak Acheh |
| 5. Dato' Maharaja
(Dt. Sulaiman b. Kasan) | - Suku Batu Hampar |
| 6. Dato' Bangsa Balang
(Dt. Hj. Abu Hassan b. Ali) | - Suku Seri Lemak Pahang |
| 7. Dato' Maharaja Leia
(Dt. Hj. Adnan b. Hj. Mohd Sharif) | - Suku Tiga Nenek |
| 8. Dato' Baginda Raja
(Dt. Yazid b. Mohd Nor). | - Suku Biduanda Sungai Ujong |

Lembaga Tambahan

- | | |
|--|-------------------------------|
| 1. Dato' Penghulu Dagang
(Dt. Ujang b. Idam) | - Suku Binduanda Jawa |
| 2. Dato' Orang Kaya Muda | - Suku Seri Lemak Minangkabau |
| 3. Dato' Perdana
(Dt. Ali b. Ismail) | - Suku Tanah Datar |
| 4. Dato' Seri Maharaja
(Dt. Hj. Ibrahim b. Hj Salleh) | - Suku Mungkal |

